

# 3,520 graduan UTHM terima ijazah konvokesyen

**KONVOKESYEN.** Seramai 3,520 graduan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Batu Pahat, Johor menerima ijazah peringkat doktor falsafah, ijazah sarjana, ijazah sarjana muda, diploma dan diploma lepasan ijazah pada majlis konvokesyen



Gambar dan berita yang disiarkan dalam *Komuniti Kita!* kini boleh diakses di laman web [www.kosmo.com.my](http://www.kosmo.com.my).

universiti itu baru-baru ini.

Pada majlis konvokesyen kali ke-13 itu, Gabenor Yogyakarta, Indonesia, Sri Sultan Hamengku Buwono menerima Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Harta Tanah dan Fasiliti) atas sumbangannya terhadap rakyat di negerinya dalam menangani gempa bumi dan letupan Gunung Merapi.

Bekas Naib Canselor UTHM, Prof. Emeritus Datuk Dr. Ismail Bakar pula dinobatkan sebagai penerima Anugerah Ijazah Profesor Emeritus.

Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang juga Canselor UTHM hadir pada majlis konvokesyen itu.



**SEBAHAGIAN** daripada graduan gembira sambil melambungkan topi selepas majlis konvokesyen UTHM ke-13 di UTHM, Batu Pahat, Johor baru-baru ini.